

12 PAHLAWAN NEGERI SEMBILAN

1. DATO' MOYANG SALLEH

- Undang Luak Jelebu pertama, tahun 1757 bertindak mendapatkan kemerdekaan Negeri Sembilan daripada pemerintahan pusat di Johor. Tindakan Dato' Moyang Salleh ini sebagai pembuka jalan kepada Negeri Sembilan berkerajaan sendiri, dan kemudiannya menetapkan raja yang dijemput dari Pagarruyung di Minangkabau sebagai raja bagi menggantikan pemerintahan Sultan Johor.

2. PENGHULU NAAM

- Laluan bertapaknya takhta raja di Negeri Sembilan, tahun 1773. Sebagai Penghulu Luak Ulu Muar yang pertama, dia menunjukkan sikap berpegang kuat kepada prinsip dalam menentukan siapa yang berhak menaiki takhta di Negeri Sembilan. Keberanian menentang Raja Melewar yang belum dilantik sebagai raja, membuktikan dia kuat mempertahankan prinsip dan kedaulatan wilayahnya.

3. DATO' PANGLIMA SUTAN, KARU

- Menjemput Raja Melewar menaiki takhta 1773, seorang buapak luak Ulu Muar. Dia kuat berpegang kepada janji sebagai orang yang diutus ke Pagarruyung mendapatkan raja. Disebabkan dia diberi tugas menaikkan Raja Melewar ke atas takhta, janjinya tetap dikotakan sekali pun terpaksa menentang penghalunya sendiri.

4. DATO' BONGKOK ABDUL MALIK

- Menentang sistem raja dijemput tahun 1824, keberanian

dia melanggar tradisi membuka jalan kepada pembaharuan dalam sistem beraja di Negeri Sembilan. Dato' Kelana Bahi masih mempertahankan tradisi menjemput raja dari Minangkabau, tetapi dia menolak sesiapa sahaja raja yang dijemput, tetapi mahukan keturunan raja yang sedia ada menaiki takhta.

5. DATO' DOL SAID

- *Penghulu Naning, putera Melayu pertama menentang penjajah Inggeris tahun 1831-32. Keberanian dia melawan kuasa besar dari barat dianggap luar biasa sekali pun berakhir dengan kekalahan. Bagaimana pun kekalahan dia disebabkan ada pembelotan di kalangan orang Melayu sendiri.*

6. DATO' BANDAR TUNGGAL, ABDULLAH BIN AHMAD

- *Pembesar Sungai Ujong berperang melawan Inggeris tahun 1874. Dilucutkan jawatan oleh Inggeris, tetapi semangatnya terus kental hingga rumah dan kampungnya dibakar Inggeris. Pertelagahannya dengan Dato' Kelana Syed Aman, menjadi sebab kemarahan Inggeris dan peniaga-peniaga Cina dari Melaka apabila dia menentang pembelotan ekonomi menyebabkan orang Melayu susah.*

7. YAMTUAN ANTAH

- *Raja Melayu pertama berperang melawan Inggeris tahun 1876, hingga terpaksa hilang wilayah. Sebagai penyelesaian, baginda hanya berkuasa di Seri Menanti sahaja setelah kalah dalam Perang Bukit Fenus.*

8. DATO' SIAMANG GAGAP

- *Menentang Inggeris di istana Seri Menanti dalam tahun 1874, akhirnya jawatan yang dipegangnya dimansuhkan. Dia ikut sama Yamtuan Antah berundur ke Singapura, dan tidak mahu mengiktiraf campur tangan Inggeris. Dia kemudiannya menjadi orang biasa selepas mangkatnya*

Yamtuan Antah.

9. PENDEKAR SAMPAN

- *Potret seorang sahabat yang setia, berjuang menentang Inggeris dalam Perang Bukit Putus tahun 1876. Dia menjadi jurulatih silat kepada pemuda-pemuda yang mempertahankan Seri Menanti dari serangan Inggeris. Dia terkorban dalam perang kerana kesetiiaannya kepada kampung halaman dan kawan-kawan seperjuangan.*

10. BILAL ISMAIL

- *Menentang Inggeris di Jelebu, 1880 dan dituduh menderhaka kepada Yamtuan Muda Jelebu. Dia dijatuhkan hukum bunuh, tetapi krisis di kalangan ketua-ketua adat tidak juga selesai. Orang yang bertanggungjawab membunuh Bilal Ismail, kemudiannya dihukum bunuh oleh Yamtuan Antah bagi meredakan krisis berkenaan.*

11. DATO' HAJI SAIL

- *Undang Kembau, menentang Inggeris sekitar 1880-an. Dia disingkirkan dari jawatannya dengan tipu helah Inggeris, kemudian dibuang ke Singapura.*

12. PENDETA ZAABA

- *Menentang Inggeris dengan mata penanya. Dia menganjurkan Kongres Melayu 1946, dan mencetuskan perjuangan Umno. Dia tidak terbabit dalam politik, tetapi lebih menumpukan kepada pembangunan intelektual Melayu.*